



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

SOALAN LAZIM (FAQ's) PERMOHONAN DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (DP KPT) TAHUN 2023

PENGENALAN:

Soalan Lazim (FAQ's) ini disediakan bertujuan untuk membantu pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan pemohon dalam menjawab soalan-soalan lazim berhubung permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Tahun 2023.

A. PENGENALAN GERAN FRGS

1. S: **Apakah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) di bawah Program Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT)?**

J: FRGS adalah skim geran penyelidikan yang bertujuan untuk melonjakkan penjaan teori, konsep dan idea baharu beracuan Malaysia yang menjadi pemangkin kepada penemuan baharu yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

B. SYARAT AM PERMOHONAN

1. S: **Siapakah yang layak memohon geran FRGS?**

J: Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah) yang mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana di Universiti Awam dan Universiti Swasta (termasuk Kolej Universiti); bertaraf tetap atau kontrak; dan warganegara atau bukan warganegara Malaysia.

Sila rujuk Lampiran A Garis Panduan FRGS Tahun 2023 untuk senarai IPT yg layak memohon.

2. S: **Adakah kakitangan akademik/felo penyelidik yang berkhidmat secara separuh masa boleh memohon geran FRGS sebagai Ketua Projek?**

J: Kakitangan akademik/felo penyelidik secara separuh masa tidak dibenarkan memohon sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi penyelidik bersama dalam kumpulan penyelidik.

3. S: **Adakah pensyarah di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)/Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Pegawai Penyelidik/Saintis dari Agensi Kerajaan boleh memohon geran FRGS sebagai Ketua Projek?**

J: Pensyarah dari JPPKK/IPGM dan Pegawai Penyelidik/Saintis dari Agensi Kerajaan adalah tidak dibenarkan memohon sebagai ketua projek tetapi boleh menjadi penyelidik bersama sahaja ataupun berkolaborasi dengan Ketua Projek dari Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

4. S: **Adakah Pegawai Penyelidik/Pasca Doktorat di Institusi Pendidikan Tinggi boleh memohon geran FRGS sebagai Ketua Projek?**

J: Pegawai Penyelidik/Pasca Doktorat bertaraf tetap atau lantikan kontrak oleh universiti adalah tidak dibenarkan memohon sebagai ketua projek tetapi boleh menjadi menjadi penyelidik bersama. Bilangan pegawai penyelidik/pasca doktorat adalah terhad kepada seorang sahaja dalam setiap kumpulan penyelidikan.

5. S: **Adakah pemohon yang sedang cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain melebihi tempoh enam (6) bulan dan lebih dibenarkan memohon geran FRGS sebagai Ketua Projek?**

J: Penyelidik dalam kategori di atas tidak dibenarkan untuk memohon sebagai sebagai ketua projek tetapi dibenarkan menjadi penyelidik bersama.

6. S: **Saya mempunyai projek FRGS yang sedang berjalan (on-going). Bolehkah saya memohon geran FRGS?**

J: Permohonan adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat berikut:-

- Projek FRGS yang masih aktif mestilah mencapai prestasi 75% semasa kitaran pemantauan Bilangan 2 Tahun 2022 dan telah disahkan oleh KPT dalam Sistem MyGRANTS; dan/atau

- Laporan akhir telah dihantar dan disahkan oleh RMC sebelum tarikh permohonan baharu dibuka dalam Sistem MyGRANTS bagi mana-mana projek yg telah tamat (sekiranya ada).

7. S: **Adakah Ketua Projek yang mempunyai geran FRGS-RACER yang sedang berjalan (on-going) dibenarkan memohon geran FRGS yang baharu?**

J: Permohonan adalah dibenarkan sekiranya projek FRGS-RACER telah selesai 100% dan telah mengemukakan laporan akhir yang disahkan

oleh RMC sebelum tarikh permohonan baharu dibuka dalam Sistem MyGRANTS.

8. S: **Berapakah jumlah ahli penyelidik bersama yang dibenarkan dalam satu (1) kumpulan penyelidik?**

J: Jumlah ahli penyelidik bersama yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang dan maksimum lima (5) orang, tidak termasuk Ketua Projek.

9. S: **Adakah Carian Paten (Patent Search) boleh dilakukan dalam laman web lain selain laman web Lens.org (<http://lens.org/>)?**

J: Carian Paten (Patent Search) adalah digalakkan menggunakan Lens.org (<http://lens.org/>) kerana ia berkait secara langsung dengan templet Borang Carian Paten dalam Borang Permohonan FRGS.

10. S: **Tempoh perkhidmatan saya di Institusi berbaki kurang setahun. Adakah saya layak memohon geran FRGS sebagai Ketua Projek atau penyelidik bersama?**

J: Tempoh perkhidmatan pemohon mestilah berbaki sekurang-kurangnya satu (1) tahun di Institusi masing-masing mulai dari tarikh tutup permohonan geran. Pemohon juga perlu memastikan terdapat sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama dari universiti yang sama dalam kumpulan penyelidikan yang boleh dilantik sebagai *Next Appointed Leader*.

11. S: **Saya tiada surat kelulusan etika semasa permohonan dilakukan, tetapi projek saya memerlukan kelulusan etika.**

J: Pihak penyelidik boleh memuatnaik surat makluman/permohonan awal kelulusan etika semasa permohonan dilakukan. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama sekiranya permohonan diluluskan.

C. TEMPOH PENYELIDIKAN

1. S: **Sekiranya skop penyelidikan bagi cadangan projek FRGS boleh dilakukan dalam masa satu (1) tahun, adakah penyelidik boleh memohon tempoh geran selama satu (1) tahun sahaja?**

J: Tidak dibenarkan. Tempoh penyelidikan bagi geran FRGS adalah **dua (2) atau tiga (3) tahun sahaja**.

D. SILING PERUNTUKAN

1. S: **Berapakah siling peruntukan geran FRGS?**

J: Siling peruntukan bagi geran FRGS adalah **RM250,000.00**.

E. HASIL PENYELIDIKAN

1. S: **Saya merupakan Ketua Projek, bolehkah saya melantik diri saya sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)?**

J: Tidak dibenarkan.

2. S: **Apakah output bakat projek jika projek penyelidikan bertempoh dua (2) atau tiga (3) tahun?**

J: Syarat penghasilan bakat adalah seperti berikut:-

- Bagi projek FRGS bertempoh tiga (3) tahun dimestikan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar PhD atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant-GRA); atau
- Bagi projek FRGS bertempoh dua (2) tahun dimestikan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant-GRA).

3. S: **Berapakah penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang perlu dihasilkan sepanjang tempoh penyelidikan projek FRGS?**

J: Sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel dalam jurnal terindeks (WoS/Scopus/ERA/MyCITE). Salah satu daripada penerbitan tersebut mestilah terindeks di *Web of Science* (WoS).

4. S: **Adakah penghasilan harta intelek dibenarkan dan diambil kira sebagai hasil penyelidikan projek FRGS?**

J: Harta intelek bukan output yang ditetapkan bagi geran FRGS. Namun sekiranya pemohon mensasarkan harta intelek sebagai output penyelidikan, maka output harta intelek tersebut menjadi output wajib untuk dipenuhi oleh pemohon. Walau bagaimanapun, pembiayaan untuk pemfailan harta intelek tidak boleh menggunakan dana FRGS.

5. S: **Bolehkah saya menjalankan penyelidikan dan menghasilkan bakat di luar negara?**
- J: Tidak dibenarkan. Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.

F. PENGURUSAN KEWANGAN BAGI PENYELIDIKAN DP KPT

1. S: **Adakah dibenarkan melantik dan membayar gaji Pegawai Penyelidik/Pembantu Penyelidik (RA/RO) bagi projek FRGS?**
- J: Pegawai Penyelidik/Pembantu Penyelidik (RA/RO) tidak dibenarkan untuk dilantik dalam geran FRGS. Hanya GRA sahaja yang boleh dilantik dan dibayar elaun di bawah vot 11000.
2. S: **Adakah Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant (GRA)) dibenarkan mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perlindungan Sosial Pekerja (Socso) dengan menggunakan peruntukan dana FRGS?**
- J: Tiada keperluan untuk mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perlindungan Sosial Pekerja (Socso) untuk GRA.
3. S: **Apakah vot yang perlu diperuntukkan bagi pembiayaan persidangan ke luar negara?**
- J: Persidangan ke luar negara bagi pembentangan kertas kerja penyelidikan adalah di bawah vot 21000; manakala pembayaran yuran persidangan tersebut adalah di bawah vot 29000. Perjalanan yang dibenarkan hanya sekali dalam tahun kedua dan ke atas.
4. S: **Adakah pembayaran sewaan ruang/fasiliti/makmal dan ruang di Institusi saya bekerja dibenarkan menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran FRGS bagi bayaran sewaan ruang/fasiliti/makmal dan ruang di institusi masing-masing berikutan penggunaan fasiliti, infrastruktur dan persekitaran penyelidikan di institusi telah diambil kira semasa kelulusan projek. Pembayaran bagi perkhidmatan analisis sampel yang melibatkan bekalan/bahan penyelidikan/peralatan/tenaga dan apa-apa yang berkaitan dibenarkan di bawah vot 29000.
5. S: **Adakah dibenarkan untuk membuat pembayaran sewaan bilik/dewan mesyuarat di luar Institusi?**

- J: Pembayaran sewaan bilik/dewan mesyuarat adalah dibenarkan jika berkaitan dengan skop penyelidikan/kaedah penyelidikan geran FRGS sahaja. Butiran perlu diletakkan di bawah vot 29000.
6. S: **Apakah vot yang perlu diperuntukkan untuk pembelian perisian (software) komputer?**
- J: Perbelanjaan perisian komputer (aset tak ketara) adalah di bawah vot 35000.
7. S: **Apakah vot yang perlu diperuntukkan untuk pembelian komponen komputer seperti RAM dan GPU (bagi meningkatkan keupayaan komputer/laptop sedia ada)?**
- J: Komponen komputer adalah dikira sebagai aset yang diperuntukkan di bawah vot 35000 dan perlu didaftarkan dalam senarai rekod aset.
8. S: **Adakah pembelian alatan pejabat (seperti kertas, toner, printer, alat tulis, kubikel, meja, kerusi, troli dan peralatan berkaitan) dibenarkan menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Pembelian alatan tersebut adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pengecualian pembelian peralatan pejabat (kertas dan alat tulis sahaja) hanya kepada Bidang Bukan Sains dan Teknologi (selain S&T) untuk menjalankan kaji selidik sahaja. Bagi pembayaran perkhidmatan percetakan/fotostat soal selidik atau bahan-bahan penyelidikan ia boleh dibayar menggunakan vot 29000.
9. S: **Adakah dibenarkan untuk melanggan bil utiliti/telekomunikasi dengan menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Tidak dibenarkan.
10. S: **Adakah dibenarkan untuk membeli bahan rujukan (seperti buku/jurnal/membeli atau melanggan (subscribe) jurnal) dan seumpamanya dengan menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Tidak dibenarkan.
11. S: **Apakah yang dimaksudkan dengan pembayaran honorarium/saguhati dan apakah vot yang perlu diperuntukkan untuk tujuan tersebut?**
- J: Pembayaran honorarium/saguhati bermaksud bayaran bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan seumpamanya yang diperuntukkan di bawah vot 29000. Bayaran honorarium/saguhati yang dibenarkan adalah untuk enumerator dan responden.

12. S: **Adakah pembayaran pemfailan harta intelek dibenarkan menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Tidak dibenarkan. Pembayaran pemfailan harta intelek bagi geran FRGS adalah menggunakan peruntukan universiti.
13. S: **Projek saya memerlukan penggunaan komputer berkeupayaan tinggi/telefon pintar/tab atau sebarang peralatan ICT untuk memastikan objektif, skop penyelidikan dan hasil penyelidikan dicapai seperti dijanjikan. Adakah saya dibenarkan untuk melakukan pembelian tersebut menggunakan peruntukan geran FRGS?**
- J: Pembelian komputer/telefon pintar/tab atau sebarang peralatan ICT adalah termasuk dalam pembelian peralatan yang tidak dibenarkan.

G. LAIN-LAIN

1. S: **Sekiranya saya berjaya mendapat mana-mana geran di bawah DP KPT, bolehkah saya menarik diri dari meneruskan projek tersebut?**
- J: Tidak dibenarkan menarik diri setelah projek diluluskan oleh KPT. Sekiranya ini berlaku, penyelidik dan institusi boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya oleh KPT.